

GAYA PENULISAN PENKAKI HADITH KONTEMPORARI TERHADAP ILMU *MUKHTALIF AL-ḤADĪTH*

THE WRITING STYLE OF CONTEMPORARY HADITH SCHOLARS IN THE FIELD OF MUKHTALIF AL-ḤADĪTH

Mohd Solleh Ab Razak¹
Zaifuddin Md Rasip²
Mohd Nor Adzhar Ibrahim³

¹ Fakulti Pengajian Islam, Universiti Malaysia Sabah (UMS), Malaysia,
(E-mail: sollehrazak@ums.edu.my)

² Fakulti Pengajian Islam, Universiti Malaysia Sabah (UMS), Malaysia,
(E-mail: zaifuddin@ums.edu.my)

³ Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia,
(E-mail: mnor.adzhar@usim.edu.my)

Article history

Received date : 12-8-2023
Revised date : 13-8-2023
Accepted date : 10-10-2024
Published date : 15-10-2024

To cite this document:

Ab Razak, M. S., Md Rasip, Z. & Ibrahim, M. N. A. (2024). Gaya penulisan pengkaji hadith kontemporari terhadap ilmu *Mukhtalif al-Ḥadīth*. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 9 (67), 281 - 298.

Abstrak: Penulisan karya ilmu mukhtalif al-ḥadīth merupakan faktor penting dalam merangka kefahaman hadith secara tepat dan menghilangkan kekeliruan terhadap hadith. Oleh yang demikian, para muḥaddithīn menulis pelbagai karya bagi menyusun disiplin ilmu ini secara sistematik dan berstruktur. Walaupun demikian, gaya penulisan karya tersebut berbeza-beza berdasarkan matlamat penulisan dan pengaruh semasa. Hal ini berterusan sehingga ke hari ini. Justeru, kajian ini dijalankan bagi mengkaji dan menganalisis gaya penulisan pengkaji hadith kontemporari terhadap ilmu mukhtalif al-ḥadīth. Kajian ini dijalankan berbentuk kualitatif. Justeru, pengumpulan data penyelidikan dilaksanakan melalui metode analisis kandungan. Kajian ini turut menggunakan kaedah analisis kandungan, data dianalisis dengan beberapa cara dengan mengubah data ke dalam bentuk teks, menghasilkan kategori dan juga membuat kesimpulan. Hasil daripada kajian ini mendapati bahawa terdapat dua gaya utama penulisan mukhtalif al-ḥadīth oleh para pengkaji hadith kontemporari iaitu penulisan umum berkaitan mukhtalif al-ḥadīth dan penulisan berbentuk kajian terhadap karya muḥaddithīn terdahulu. Bagi gaya kedua pula, terdapat tiga aspek yang difokuskan iaitu kajian berdasarkan bab hukum; iaitu hukum secara umum dan khusus, kajian berdasarkan manhaj penyelesaian; iaitu keseluruhan manhaj penyelesaian dan manhaj penyelesaian secara khusus, serta kajian perbandingan antara karya-karya muḥaddithīn. Kesimpulannya, karya yang dihasilkan oleh pengkaji hadith kontemporari memperkukuhkan lagi kefahaman berkaitan percanggahan antara hadith berdasarkan disiplin ilmu mukhtalif al-ḥadīth. Karya-karya ini lebih memudahkan para pembaca untuk merujuk dan menyelesaikan percanggahan yang ditemui dalam kehidupan.

Kata kunci: Gaya Penulisan Hadith, Pengkaji Hadith, Kontemporari, Mukhtalif al-Ḥadīth

Abstract: *The composition of works on the science of Mukhtalif al-Ḥadīth is crucial for accurately understanding hadīth and dispelling any confusion regarding them. Consequently, the muḥaddithīn (hadīth scholars) have produced a variety of works to methodically and systematically structure this discipline. However, the writing styles of these works differ, influenced by the specific objectives of the authors and contemporary factors. This pattern persists to this day. Therefore, this study seeks to explore and analyze the writing styles of contemporary hadīth scholars concerning the science of Mukhtalif al-Ḥadīth. Being a qualitative study, data collection was conducted through content analysis methods. The study further employs content analysis to process the data by converting it into textual form, developing categories, and drawing conclusions. The findings reveal two predominant writing styles among contemporary hadīth scholars: general writings on Mukhtalif al-Ḥadīth and studies focusing on the works of earlier muḥaddithīn. Within the latter style, three key aspects are emphasized: studies organized by chapters of rulings, both broad and specific; studies on resolution methodologies, whether general or particular; and comparative studies of the works of muḥaddithīn. In conclusion, the works authored by contemporary hadīth scholars enhance the comprehension of apparent contradictions in hadīth within the framework of Mukhtalif al-Ḥadīth. These writings facilitate readers in referencing and resolving contradictions they may encounter in daily life.*

Keywords: *Hadith Writing Style, Hadith Scholars, Contemporary, Mukhtalif al-Hadith*

Pendahuluan

Hadith merupakan ilmu yang paling mulia kerana ia merupakan ilmu yang menjadi jambatan untuk seseorang memahami al-Quran (Al-‘Uwnī, 2022:15-16). Oleh yang demikian, seseorang disarankan agar segera meluangkan masa mempelajari hadith dan ilmu-ilmu yang berkaitan dengan hadith (Mohd Solleh, 2021:235). Antara cabang ilmu hadith yang penting diberi penekanan dalam mempelajari hadith ialah *mukhtalif al-ḥadīth* kerana ia merupakan salah satu cara untuk memastikan seseorang dapat memahami hadith sebagaimana yang dikehendaki oleh Nabi Muhammad SAW (Al-‘Awnī, 2021:192). Justeru, keprihatinan terhadap ilmu *mukhtalif al-ḥadīth* telah dirintis sejak zaman Nabi Muhammad SAW. Hal ini dapat diperhatikan apabila generasi Sahabat sentiasa merujuk Baginda tatkala timbulnya percanggahan yang berlaku berhubung urusan dan sumber agama Islam (Al-Ḥādī Rūshū, 2009:176-193). Keprihatinan tetap berterusan sekalipun setelah kewafatan Nabi Muhammad SAW. Justeru, apabila timbul sebarang percanggahan atau kekeliruan terhadap hadith, para sahabat berdiskusi bersama sahabat lain bagi menyelesaikan permasalahan tersebut (Nāfidh Ḥusayn, 2009:19. Al-Ḥādī Rūshū, 2009:186-192, 210-217).

Pada kurun kedua hijrah, muncul beberapa golongan yang menolak hadith. Antara sebab penolakan tersebut kerana wujudnya hadith-hadith yang kelihatan secara zahir bercanggah dengan al-Quran, hadith yang lain, akal dan lain-lain (Muḥammad Baltajī, 1397H:2/688-697, Nāfidh Ḥusayn, 2009:73). Permasalahan ini secara langsung berkait dengan ilmu *mukhtalif al-ḥadīth*. Menyedari realiti ini, para ulama terutamanya daripada kalangan *muḥaddithīn* mengambil peranan penting dalam mempertahankan hadith daripada sebarang kekeliruan dan memberi bimbingan kepada masyarakat. Oleh itu, *muḥaddithīn* dan pengkaji hadith daripada pelbagai generasi menumpukan perhatian untuk mengkaji secara menyeluruh lagi mendalam bagi menyelesaikan permasalahan hadith yang dibincangkan dalam ilmu ini (Mohd Solleh & Roshimah, 2021:88).

Bagi memantapkan disiplin ilmu *mukhtalif al-ḥadīth*, para *muhaddithīn* mengarang karya-karya khusus sebagai panduan kepada para ulama dan umat Islam. Perletakan asas disiplin ilmu ini diasaskan oleh al-Shāfi‘ī melalui karya beliau *Ikhtilāf al-Ḥadīth* (Al-‘Irāqī 2002:2/108, Al-Sakhāwī 2003:4/67, Al-Kattānī 1986:158). Setelah itu, ramai para ulama yang mula memperhalusi manhaj dan kaedah penyelesaian tersebut. Tambahan itu, ketelitian *muhaddithīn* bukan sekadar membincangkan manhaj dan kaedah sahaja, bahkan turut memperhalusi aspek tertib aplikasi manhaj agar mampu memberi penyelesaian yang paling tepat (Mohd Solleh & Roshimah 2023:279).

Setelah sampai kepada fasa kematangan dan penyempurnaan pembukuan *‘ulūm al-ḥadīth* pada kurun kesembilan, banyak karya-karya hadith termasuk karya *mukhtalif al-ḥadīth* dihasilkan oleh *muhaddithīn* (‘Itr, 1979:65-69). Perkembangan ini selari dengan konsep pengembangan ilmu pengetahuan dalam al-Quran dan Hadith bersifat komprehensif dan integratif (Yuri Indri Yani et al., 2021:361). Pengkaji mendapati karya-karya tersebut memenuhi keperluan semasa untuk menjawab segala percanggahan dan kekeliruan berkaitan hadith pada era tersebut. Sekaligus memandu masyarakat mendapatkan penyelesaian yang tepat dan jelas. Demikian juga, pengkaji mendapati penulisan dan kajian kontemporari berkaitan *mukhtalif al-ḥadīth* terus berkembang hasil daripada usaha yang dirintis oleh generasi awal. Daripada lambakan karya penulisan *mukhtalif al-ḥadīth* oleh pengkaji hadith kontemporari, pengkaji mendapati perlunya satu kajian khusus untuk melihat kecenderungan pengkaji hadith kontemporari dan gaya penulisan, seterusnya meneliti dan menganalisis gaya penulisan tersebut agar dapat dikenalpasti penambahbaikan yang terdapat dalam penulisan karya *mukhtalif al-ḥadīth* pada era kini.

Objektif

Objektif kajian ini adalah:

1. Menghuraikan istilah *mukhtalif al-ḥadīth*
2. Mengkaji perkembangan penulisan *mukhtalif al-ḥadīth*
3. Menganalisis gaya penulisan pengkaji hadith kontemporari berkaitan *mukhtalif al-ḥadīth*

Metodologi Dan Skop

Kajian ini adalah berbentuk kualitatif. Justeru, pengumpulan data penyelidikan bagi kajian ini dilaksanakan melalui metode analisis kandungan yang merujuk kepada kaedah kajian yang menggunakan interpretasi subjektif terhadap kandungan data dalam bentuk teks, antaranya melalui proses mengenal pasti corak penulisan dan tema. Bagi kajian yang menggunakan kaedah analisis kandungan, data dianalisis dengan beberapa cara. Antaranya ialah dengan mengubah data ke dalam bentuk teks, menghasilkan kategori dan membuat kesimpulan.

Melalui kajian ini, pengkaji melakukan penelitian terhadap karya khusus *mukhtalif al-ḥadīth* iaitu karya berbentuk buku yang diterbitkan dan kajian ilmiah yang dijalankan pada peringkat sarjana dan doktor falsafah di universiti bagi mendapatkan data untuk dilakukan analisis. Secara lebih spesifik, fokus utama penelitian diberikan terhadap data yang berkaitan dengan gaya penulisan karya *mukhtalif al-ḥadīth* dan kandungannya. Dari sudut pengumpulan sumber pula, karya khusus *mukhtalif al-ḥadīth* dan kajian ilmiah dalam bentuk tesis merupakan sumber primer bagi kajian ini. Selain itu, karya-karya utama dalam disiplin *‘ulūm al-ḥadīth* dijadikan sebagai rujukan bagi mendapatkan data-data primer berkaitan *mukhtalif al-ḥadīth*. Data-data yang telah dikumpulkan kemudiannya dianalisis berdasarkan kaedah induktif dan deduktif. Bagi setiap kategori gaya penulisan, pengkaji menyenaraikan beberapa penulisan, namun hanya satu karya sahaja yang dianalisis sebagai sampel.

Definisi *Mukhtalif al-Ḥadīth*

Mukhtalif al-ḥadīth merupakan dua perkataan yang terdiri daripada perkataan *mukhtalif* dan *ḥadīth*. Ia merupakan satu bentuk sandaran *ṣifat* kepada *mawṣūf*. Justeru ia bermaksud hadith itu disifatkan sebagai *mukhtalif* (Munīrah, 2015:16). *Mukhtalif* dari sudut bahasa diambil daripada perkataan *ikhtilāf* yang berasal daripada *ikhtalafa* dan *kilāf*: iaitu dua perkataan yang berbeza, tidak sama dan tidak sepakat (Al-Fayrūz Ābādī, 2005:3/13, Al-Fayyūmī 2016:179). Ibn Fāris (1979:2/210) pula menyatakan bahawa perkataan *khalafa* mengandungi tiga makna iaitu sesuatu yang datang selepas sesuatu bagi menggantikan kedudukannya, sesuatu yang berbeza dari perkara sebelumnya dan perubahan. Al-Raghīb (1412H:156) menyatakan *ikhtilāf* dan *mukkhālafah* bermaksud setiap seorang mengambil satu jalan dan tidak mengambil jalan yang lain berkaitan tindakannya dan ucapannya. Apabila berlakunya *ikhtilāf* ucapan antara manusia, kadang-kadang ia membawa kepada perselisihan. Namun, menurut al-Qarāfī (2003:129), bukan setiap dua perkara yang berselisih adalah saling berlawanan kerana *khilāf* adalah lebih umum daripada perlawanan (*al-diddu*). Tetapi setiap dua perlawanan adalah dua perkara yang berbeza kerana terdapat *ikhtilāf* yang tidak dicela. Berdasarkan pandangan ini, mereka berpandangan bahawa *ikhtilāf* mengandungi dua bahagian iaitu *ikhtilāf* dengan maksud perubahan dan *ikhtilāf* dengan maksud perlawanan. Sedangkan *ikhtilāf* saling perlawanan adalah sesuatu yang tidak di haruskan. (Ibn Qutaybah, 1981:39).

Manakala *ḥadīth* dari sudut bahasa berasal daripada perkataan *ḥa-da-tha* (حدث) iaitu sesuatu yang wujud selepas ia tidak wujud yang mengandungi beberapa makna seperti berlawanan dengan *qadīm* iaitu tidak mempunyai permulaan, sesuatu yang baharu dan pemberitaan (Ibn Fāris, 1979:2/36), Ibn Manzūr 1414H:2/796-797). Seterusnya *ḥadīth* dari sudut istilah merupakan sesuatu yang disandarkan kepada Nabi Muhammad SAW; sama ada berbentuk perkataan, perbuatan, pengakuan atau sifat fizikal dan akhlak, sama ada sebelum diutuskan kerasulan atau selepasnya. Ia juga sinonim dengan *al-Sunnah* (Al-Sakhāwī, 2003:1/9, Al-Suyūfī, 1979:2/42, Al-Qārī, 1415H:153).

Para *muhaddithīn* berbeza-beza dalam mengemukakan definisi *mukhtalif al-ḥadīth* dari sudut istilah. Menurut al-Suyūfī (1979:2/196) dan al-Dūsarī (2011:24), al-Shāfi‘ī (m. 204H) merupakan *muhaddith* terawal yang mengemukakan definisi *mukhtalif al-ḥadīth*. Beliau menyatakan bahawa *mukhtalif al-ḥadīth* ialah dua jenis percanggahan antara hadith, sama ada percanggahan yang mampu dirungkaikan dengan kaedah tertentu sehingga kedua-dua hadith dapat diamalkan atau percanggahan yang tidak dapat dirungkaikan melainkan salah satu hadith perlu digugurkan (Al-Shāfi‘ī, 2011:10/272, Al-Shāfi‘ī, 2005:370).

Definisi yang dikemukakan oleh al-Shāfi‘ī kelihatan ringkas. Justeru, al-Hākim (m. 405H) memperincikan definisi tersebut dengan menyatakan bahawa *mukhtalif al-ḥadīth* bukan sekadar hadith yang bercanggah sesama hadith, bahkan percanggahan tersebut melibatkan hadith yang mempunyai kedudukan yang sama dari sudut *ṣahīh* dan *ḍa‘īf* (Al-Hākim, 1977:122). Seterusnya Ibn al-Ṣalāh (m. 643H) memperincikan lagi dengan mengemukakan istilah kaedah *al-jam‘* untuk diaplikasikan terhadap hadith yang dapat dirungkaikan percanggahannya. Manakala kaedah *al-naskh* dan *al-tarjih* diaplikasikan terhadap hadith yang tidak dapat dirungkaikan, maka perlu digugurkan salah satunya (Ibn Ṣalāh, 2010:262-263). Setelah itu, definisi *mukhtalif al-ḥadīth* diperkemas lagi oleh al-Nawawī (m. 676H) apabila beliau meletakkan tiga tonggak penting *mukhtalif al-ḥadīth* iaitu (i) hadith yang bercanggah, (ii) percanggahan secara zahir, (iii) dan hadith-hadith tersebut dapat diharmonikan atau dikuatkan salah (Al-Nawawī, 1985:90). Definisi yang dikemukakan ini diterima oleh majoriti *muhaddithīn* dan pengkaji

hadith (Ibn Jamā‘ah, 1404H:60, Al-‘Irāqī, 2002:2/108, Al-Suyūṭī, 1979:2/196, Nāfidh Ḥusayn, 2009:17).

Apabila sampai pada akhir fasa kematangan dan penyempurnaan pembukuan *‘ulūm al-ḥadīth* (‘Itr, 1979:65-67), Ibn Ḥajar (m. 852H) menggabungkan pandangan al-Shāfi‘ī, al-Hākim, Ibn al-Ṣalāh dan al-Nawawī, lalu beliau menyimpulkan bahawa ilmu *mukhtalif al-ḥadīth* melibatkan hadith yang bercanggah dan hadith-hadith tersebut mampu dileraikan percanggahannya sebagaimana yang dikemukakan oleh al-Shāfi‘ī, Ibn al-Ṣalāh dan al-Nawawī. Beliau turut menegaskan sebagaimana al-Hākim bahawa percanggahan tersebut mestilah melibatkan dua hadith yang mempunyai kedudukan yang sama. Sekiranya berlaku percanggahan antara dua hadith *maqbul* dan *mardūd*, maka percanggahan ini tidak diterima (Ibn Ḥajar, 2012:76). Oleh yang demikian, *mukhtalif al-ḥadīth* adalah hadith *maqbul* yang bercanggah dengan hadith yang seumpamanya dengan percanggahan secara zahir, namun dapat dileraikan berdasarkan kaedah-kaedah yang telah ditetapkan.

Perkembangan Penulisan Ilmu Mukhtalif Al-Ḥadīth

Penulisan karya oleh seseorang tokoh adalah salah satu bentuk sumbangannya terhadap dunia keilmuan dan merupakan legasi yang ditinggalkan kepada umat Islam terkemudian. Pada masa yang sama, karya-karya yang ditinggalkan ini menjadi manifestasi diri pengarang yang mencerminkan ketokokan, nilai keilmuan dan manhaj penulisan ilmiah yang diamalkan oleh pengarang itu sendiri (Mohd Nor Adzhar et al. 2023:32). Menyoroti penulisan ilmu *mukhtalif al-ḥadīth* sebagai satu ilmu yang tersendiri, kajian mendapati bahawa kemunculannya berlaku pada akhir kurun kedua apabila al-Shāfi‘ī mengarang sebuah karya yang berjudul *Ikhtilāf al-Ḥadīth*. Ia merupakan karya pertama berkaitan disiplin ilmu ini (Al-‘Irāqī, 2002:2/108, Al-Sakhāwī, 2003:4/67, Al-Kattānī, 1986:158).

Menurut Nāfidh Ḥusayn (2009:73), faktor paling mendesak kepada kewujudan karya bersistematik dalam ilmu ini disebabkan tidak terdapat garis panduan dan disiplin ilmu yang jelas tatkala menghadapi percanggahan zahir antara hadith sehingga sebahagian para ulama kebingungan. Al-Hādī Rūshū (2009:320) menjelaskan hal ini demikian kerana generasi sebelumnya hanya membincangkan berkaitan percanggahan antara hadith tanpa mempunyai disiplin yang menyeluruh dan tidak mempunyai kaedah yang komprehensif bagi menghilangkan percanggahan tersebut. Justeru, sekalipun karya ini tidak membincangkan keseluruhan hadith yang bercanggah, namun ia menjadi batu asas utama untuk menjadi panduan dalam perbincangan ilmu ini (Ibn Ḥajar, 2012:77, Al-Nawawī, 1985:90).

Setelah lahirnya karya *Ikhtilāf al-Ḥadīth*, penulisan *mukhtalif al-ḥadīth* semakin berkembang dan mendapat perhatian ulama. Perkembangan ini melengkapkan lagi penulisan yang telah dimulakan oleh al-Shāfi‘ī. Berdasarkan pemerhatian, pengkaji mendapati terdapat empat pendekatan ulama dalam membincangkan ilmu ini sebagaimana berikut:

Pertama, penulisan *mukhtalif al-ḥadīth* dalam karya *‘ulūm al-ḥadīth*. Melalui karya ini, *muhaddithīn* mengemukakan perbincangan dengan menggunakan istilah yang berbeza-beza (Usāmah, 2001:10) seperti *mukhtalif al-ḥadīth* (Ibn al-Ṣalāh 2010:262-263, Al-Nawawī, 1985:90, Ibn Hajar, 2012:83-84), *al-Akhhbār al-Latī Lā Mu‘arīḍ lahā bi Wajh Min al-Wajh* (Al-Hākim, 1977:129) dan *Ta‘arūḍ al-Akhhbār* (Al-Khaṭīb al-Baghdādī, t.t.:2/558). Walaupun demikian, istilah *mukhtalif al-ḥadīth* adalah istilah yang paling popular. Melalui pendekatan ini, *muhaddithīn* hanya menjelaskan secara ringkas dan mengemukakan beberapa contoh yang berkaitan sahaja.

Kedua, penulisan *mukhtalif al-ḥadīth* dalam karya umum hadith. Menurut al-Hādī Rūshū (2009:354), hadith-hadith yang bercanggah dikemukakan dalam satu bab atau beberapa bab yang berlainan. Pada kebiasaannya, pembaca dapat mengetahui penyelesaian terhadap percanggahan tersebut dengan merujuk kepada judul bab yang dikemukakan oleh penulis, sama ada secara langsung atau tidak langsung. Antara karya dalam kategori ini ialah *al-Jāmi' al-Ṣaḥīḥ* oleh al-Bukhārī (m. 256H), *al-Jāmi'* oleh al-Tirmidhī (m. 279H), *al-Ṣaḥīḥ* oleh Ibn Khuzaymah (m. 311H) dan *al-Sunan al-Kubrā* oleh al-Bayhaqī (m. 458H).

Ketiga, penulisan *mukhtalif al-ḥadīth* dalam karya khusus iaitu memfokuskan *mukhtalif al-ḥadīth* sahaja. Karya-karya sebegini menghimpunkan pelbagai hadith yang bercanggah yang menepati tema tersebut dan disusun mengikut bab tertentu. Menurut Nāfidh Ḥusayn (2009:73-74), tertib penerbitan karya khas *mukhtalif al-ḥadīth* ini dimulakan oleh al-Shāfi'ī melalui *Ikhtilāf al-Ḥadīth*, kemudian Ibn Qutaybah (m. 276H) melalui *Ta'wīl Mukhtalif al-Ḥadīth*, kemudian al-Ṭahāwī (m. 321H) melalui *Sharḥ Ma'ānī al-Āthār* dan *Sharḥ Mushkil al-Āthār*. Seterusnya, al-Ṭabarī (m. 310 H) melalui *Tahdhīb al-Āthār* dan Ibn Fūrak (m. 406H) melalui *Mushkil al-Ḥadīth wa Bayānuh*. Setelah itu, ramai para *muḥaddithīn* mengarang pelbagai karya sehingga ke hari ini.

Keempat, penulisan *mukhtalif al-ḥadīth* dalam karya umum *fiqh*. Menurut Nāfidh Ḥusayn (2009:104-106), pendekatan penulisan ini ialah penulis mengemukakan perbincangan pada judul bab khusus dan mengemukakan penjelasan secara jelas terhadap percanggahan yang berlaku seperti *Fīmā Idda 'āhu Qawm min Ta'āruḍ al-Nuṣūṣ*, *Bayān Sabab al-Ikhtilāf al-Wāqī' Bayna al-Aimma Fī Ṣadri Hādhihi al-Umma* (Ibn Ḥazm 1400H:2/21, 2/124), *Bayān al-Qaḍā' fī al-Aḥādīth al-Mukhtalifah* (Al-Dihlawī 2005:1/138). Antara karya yang termasuk dalam kategori ini ialah *al-Ihkām fī Uṣūl al-Ihkām* oleh Ibn Ḥazm (m. 456H), *al-I'tisām* oleh al-Shāḥibī (m. 790H) dan *Hujjatullāh al-Bālighah* oleh Shāh Waliyy Allāh al-Dihlawī (m. 1179H).

Perkembangan penulisan-penulisan ini menunjukkan bahawa perbincangan berkaitan *mukhtalif al-ḥadīth* telah mendapat perhatian seluruh ulama; sama ada *muḥaddithīn* atau *fuqahā'*. Bahkan usaha penulisan ini terus berkembang dengan terhasilnya pelbagai penulisan dan kajian bagi meningkatkan lagi mutu perbincangan *mukhtalif al-ḥadīth*.

Kesungguhan Pengkaji Hadith Kontemporari Berkaitan Mukhtalif Al-Ḥadīth

Penulisan dan kajian *mukhtalif al-ḥadīth* tidak terhenti dalam karya ulama terdahulu sahaja, malah kesungguhan tersebut diteruskan oleh para pengkaji hadith kontemporari. Hal ini selaras dengan dapatan Mohd Nor Adzhar dan Roshimah (2019:66-67) bahawa perbincangan ilmu-ilmu berkaitan '*ulūm al-ḥadīth* masih mengalami perkembangan hingga ke zaman ini. Justeru, ilmu *mukhtalif al-ḥadīth* merupakan sebahagian penting daripada '*ulūm al-ḥadīth* kerana perbincangannya sangat luas dan sesuai pada setiap zaman. Menyedari hakikat ini, kesungguhan para sarjana hadith kontemporari jelas terpamer apabila karya *mukhtalif al-ḥadīth* bukan sekadar diterbitkan dalam karya-karya umum, bahkan pelbagai universiti telah meluluskan kajian pada peringkat sarjana dan doktor falsafah.

Antara kajian penulisan *mukhtalif al-ḥadīth* yang dijalankan pada peringkat sarjana ialah *Mukhtalif al-Ḥadīth wa Mawqif al-Nuqqād wa al-Muḥaddithīn minhu* oleh Usāmah 'Abdullāh Khayyāt (1982) dan *Mukhtalif al-Ḥadīth 'Inda al-Imām al-Bayhaqī fī Sunanihi al-Kubrā: Jam'an wa Dirāsah* oleh Jawzā' Ziyād Ḥamūd al-Qurashī (2015) dari Jāmi'ah Ummu al-Qurā, Saudi. *Al-Muwāzanah Bayna Manhajay al-Imāmayn al-Shāfi'ī wa Ibn Qutaybah min Khilāl*

Kitābayhimā Ikhtilāf al-Ḥadīth wa Ta'wīl Mukhtalif al-Ḥadīth oleh Maḥmūd Ṣidqī al-Habbāsh (2001), *Manhaj al-Imām Ibn al-Mulaqqin fī Daf'ī al-Ta'arūḍ Bayna al-Nuṣūṣ min Khilāl Kitābihi al-Tawḍīḥ li Sharḥ al-Jāmi' al-Ṣaḥīḥ* oleh Ibrāhīm bin Faṭḥī bin Salmān Abū Jāmi' (2016) dan *Mukhtalif al-Ḥadīth 'Inda al-Imām al-Tirmidhī fī Kitābihi al-Jāmi': Jam'an wa Dirāsah Muqāranah* oleh 'Abd Allāh Walīd Muḥammad al-'Amūdī (2018) dari Jāmi'ah al-Islāmiyyah bi Ghazzah, Palestin. *Manhaj Ibn Baṭṭāl fī Ta'wīl Mukhtalif al-Ḥadīth min Khilāl Kitābih Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī: Min Awwali Kitāb al-Īmān ilā Ākhir Kitāb al-Ṣalāh Namūdhajan: Dirāsah Istiqrā'iyyah Taḥlīliyyah* oleh Maddāḥ Thāmir (2011) dari Jāmi'ah al-Jazāir. *Mukhtalif al-Ḥadīth 'Inda al-Imām al-Ṭaḥāwī fī Daw' Kitābihi Sharḥ Ma'anī al-Āthār* oleh Wadī' 'Abd al-Mu'ṭī Sa'ūd Ibdāḥ (1994) dari al-Jāmi'ah al-Urduniyyah. *Wujūh al-Tarjīḥ al-Ḥadīthiyyah fī Sharḥ Mushkil al-Āthār li al-Imām al-Ṭaḥāwī* oleh Ṣāliḥ bin Ḥamd bin Muḥammad al-Ḥawwās (1997) dari Jāmi'ah al-Malik Sa'ūd, Saudi dan banyak lagi.

Manakala kajian yang dilakukan pada peringkat doktor falsafah ialah *Mukhtalif al-Ḥadīth 'Inda al-Imām Aḥmad: Jam'an wa Dirāsah* oleh 'Abdullāh bin Fawzān bin Ṣāliḥ al-Fawzān (2007) dari al-Jāmi'ah al-Islāmiyyah, Madīnah. *Mukhtalif al-Ḥadīth 'Inda al-Qādī Ibn al-'Arabī fī Kitābihi al-Masālik fī Sharḥ Muwaṭṭa' Mālik: Jam'an wa Dirāsah* oleh Munīrah binti 'Abd Allāh bin Ṣāliḥ al-'Iskir (2015) dari Jāmi'ah al-Malik Sa'ūd. *Tarjīḥ Riwayah al-Aḥfaz wa Atharuhu fī Ta'wīl Mukhtalif al-Ḥadīth* oleh Maddāḥ Thāmir (2019) dari Jāmi'ah al-Jazāir. *Al-Naskh fī Aḥādīth Ṣaḥīḥ al-Bukhārī: Dirāsah Ta'sīliyyah Fiqhiyyah* oleh Māhir 'Isā 'Ulwān (2010) dari Jāmi'ah al-'Ulūm al-Islāmiyyah al-'Ālamiyyah, Jordan. *Manhaj al-Imām al-Bukhārī fī Mukhtalif al-Ḥadīth fī Ṣaḥīḥihi wa al-Muwāzanah Baynahu wa Bayna Manhaj al-Imām al-Tirmidhī fī Mukhtalif al-Ḥadīth fī Jāmi'ihī* oleh 'Abdullāh Mustafa Sa'id Murtajī (2000) dari Jāmi'ah al-Qur'ān al-Karīm wa al-'Ulūm li al-Islāmiyyah, Sudan. *Mukhtalif al-Ḥadīth fī Ṣaḥīḥay Ibn Khuzayman wa Ibn Hibbān: Dirāsah Manhajiyyah Muqāranah* oleh Ifṭikhār Aḥmad bin Muḥammad Ismā'īl Kākir (2010) dari al-Jāmi'ah al-Islāmiyyah al-'Ālamiyyah, Islāmabad, India dan banyak lagi kaitan pada peringkat ini. Tambahan itu, pengkaji (Mohd Solleh, 2022) turut menjalankan kajian pada peringkat ini dengan kajian yang berjudul *Manhaj Mukhtalif al-Ḥadīth Oleh al-Marbawi Dalam Baḥr al-Mādhi Li Sharḥ al-Mukhtaṣar Ṣaḥīḥ al-Tirmidhī* dari Universiti Sains Malaysia (USM).

Gaya Penulisan Mukhtalif Al-Ḥadīth

Berdasarkan karya penulisan pengkaji hadith kontemporari terhadap *mukhtalif al-ḥadīth*, pengkaji mendapati pelbagai gaya penulisan yang diaplikasikan dalam penulisan tersebut. Justeru, pengkaji mengkategorikan gaya penulisan tersebut kepada dua kategori utama iaitu penulisan umum *mukhtalif al-ḥadīth* dan penulisan berbentuk kajian terhadap karya *muhaddithīn*. Pengkaji memperincikan gaya tersebut sebagaimana berikut:

Pertama: Penulisan Umum Mukhtalif Al-Ḥadīth

Gaya penulisan umum *mukhtalif al-ḥadīth* ialah penulisan berkaitan ilmu *mukhtalif al-ḥadīth* tanpa memfokuskan kepada aspek tertentu dalam *mukhtalif al-ḥadīth*. Bahkan penulisan kategori ini melibatkan perbincangan secara komprehensif yang melibatkan definisi *mukhtalif al-ḥadīth*, kepentingan ilmu *mukhtalif al-ḥadīth*, sebab berlaku *mukhtalif al-ḥadīth*, perkembangan ilmu *mukhtalif al-ḥadīth* dan manhaj penyelesaian *mukhtalif al-ḥadīth* seperti *al-jam'*, *al-naskh*, *al-tarjīḥ* dan *al-tawaqquf*. Tambahan itu, perbincangan tersebut juga melibatkan contoh-contoh karya utama *mukhtalif al-ḥadīth* dan perincian secara praktikal terhadap penyelesaiannya. Walaupun demikian, penulisan umum ini tidak bermaksud penulisan tersebut mesti membincangkan kesemua item-item tersebut. Sebaliknya, penulisan merangkumi kebanyakan item-item tersebut.

Antara karya yang dikategorikan dalam penulisan umum *mukhtalif al-ḥadīth* ialah *Manhaj al-Tawfīq wa al-Tarjīh Bayna Mukhtalif al-Ḥadīth wa Atharuhu fī al-Fiqh al-Islāmī* oleh ‘Abd al-Majīd Muḥammad Ismā‘īl al-Sūsīwah (1997), *Mukhtalif al-Ḥadīth Bayna al-Muḥaddithīn wa al-Uṣūliyyīn al-Fuqahā’*: *Dirāsah Ḥadīthiyyah Uṣūliyyah Fiqhiyyah Tahlīliyyah* oleh Usāmah bin ‘Abd Allāh Khayyāt (2001), *Al-Ta‘arūḍ fī al-Ḥadīth* oleh Luṭfī Muḥammad al-Zaghīr (2008), *Mukhtalif al-Ḥadīth wa Juhūd al-Muḥaddithīn fīhi: Dirāsah Naqdiyyah* oleh al-Hādī Rūshū al-Tūnisī (2009), *Mukhtalif al-Ḥadīth Bayna al-Fuqahā’ wa al-Muḥaddithīn* oleh Nāfidh Ḥusayn Ḥammād (2009) dan *Mengharmonikan Percanggahan Dan Kesamaran Dalam Hadis* oleh Faisal Ahmad Shah (2019).

Sampel bagi gaya penulisan umum *mukhtalif al-ḥadīth* ialah *Mukhtalif al-Ḥadīth wa Juhūd al-Muḥaddithīn fīhi: Dirāsah Naqdiyyah* yang ditulis oleh al-Hādī Rūshū al-Tūnisī (2009). Al-Hādī Rūshū (2009:6) menjelaskan bahawa faktor beliau menulis karya ini bukan sekadar untuk menghilangkan kekeliruan dan percanggahan berkaitan hadith, bahkan disebabkan sebahagian para pengkaji keliru terhadap istilah *mukhtalif al-ḥadīth* sehingga tidak dapat membezakannya dengan istilah *mushkil al-ḥadīth*. Di samping itu, tajuk ini sangat penting sehingga mampu mendedahkan umat Islam kepada pelbagai bahaya sekiranya tidak memahami perbincangan ilmu ini. Oleh sebab itu, isu percanggahan antara hadith seringkali dijadikan peluru oleh musuh Islam untuk menimbulkan keraguan terhadap hadith dan melemahkan keimanan umat Islam terhadap hadith. Tambahan itu, beliau menyedari bahawa *muḥaddithīn* telah mencurahkan banyak usaha, namun beliau tidak menjumpai sebuah karya yang lengkap dalam menghimpunkan hasil kesungguhan dan keprihatinan *muḥaddithīn* terhadap ilmu ini.

Bagi mencapai matlamat tersebut, pengkaji mendapati karya ini merupakan antara karya paling lengkap perbincangan *mukhtalif al-ḥadīth*. Pada bahagian pendahuluan, al-Hādī Rūshū terlebih dahulu membincangkan berkaitan definisi hadith, *muḥaddith*, *mukhtalif al-ḥadīth* dan *mushkil al-hadith*, serta perbezaan antara kedua-duanya. Seterusnya beliau membentangkan pendirian ulama terhadap *mukhtalif al-ḥadīth* dan faktor timbulnya percanggahan antara hadith. Seterusnya, al-Hādī Rūshū pada bab pertama membincangkan prinsip asas *mukhtalif al-ḥadīth* yang berkaitan kesungguhan *muḥaddithīn* menafikan sebarang percanggahan, sama ada percanggahan antara al-Quran dan hadith, percanggahan antara hadith-hadith dalam bentuk ucapan, perbuatan dan pengakuan, percanggahan antara hadith dengan dalil-dalil lain seperti *ijmā’*, *qiyās* dan amalan ahli Madīnah. Setelah itu, beliau menganalisis kesungguhan *muḥaddithīn* dalam mengaplikasikan manhaj *al-jam’* dan manhaj *al-tarjīh*.

Pada bab kedua, al-Hādī Rūshū menganalisis berkaitan kesungguhan *muḥaddithīn* sebelum fasa pembukuan *mukhtalif al-ḥadīth*. Fasa ini melibatkan fasa sahabat pada zaman Rasulullah SAW, fasa sahabat selepas kewafatan Rasulullah SAW dan fasa tabiin. Tambahan itu, pada bab ini juga beliau menganalisis kesungguhan Abū Ḥanīfah dan Mālik dalam ilmu ini. Bab ketiga pula, al-Hādī Rūshū menganalisis fasa pembukuan *mukhtalif al-ḥadīth*. Beliau memfokuskan kesungguhan al-Shāfi‘ī melalui karyanya *Ikhtilāf al-Ḥadīth*, para pengarang kitab *al-Ṣiḥāḥ* dan *al-Sunan* seperti al-Bukhārī, al-Tirmidhī, Ibn Khuzaymah dan al-Bayhaqī, Ibn Qutaybah melalui karyanya *Ta’wīl Mukhtalif al-Ḥadīth*, al-Ṭabarī melalui karyanya *Tahdhīb al-Āthār*, al-Ṭahāwī melalui karyanya *Sharḥ Mushkil al-Āthār* dan *Sharḥ Ma‘ānī al-Āthār* dan Ibn Fūrak melalui karyanya *Mushkil al-Ḥadīth wa Bayānuh*. Analisis al-Hādī Rūshū dalam bab ini dilengkapi dengan analisis berkaitan *mukhtalif al-ḥadīth* dan berkaitan isu-isu kontemporari yang merangkumi jawapan terhadap pelbagai keraguan terhadap hadith dengan hadith, akal dan sains.

Berdasarkan analisis yang dilakukan oleh al-Hādī Rūshū, pengkaji mendapati beliau telah mengemukakan kajian yang menyeluruh bermula zaman Rasulullah SAW sehinggalah ke zaman moden. Sekalipun beliau tidak mengemukakan analisis terhadap semua karya *mukhtalif al-ḥadīth*, namun semua karya utama *mukhtalif al-ḥadīth* telah dianalisis dengan cemerlang. Justeru, perkaji berpandangan beliau berjaya membuktikan kesungguhan dan khidmat yang tinggi kepada para *muḥaddithīn* terhadap ilmu *mukhtalif al-ḥadīth*.

Kedua: Penulisan Berbentuk Kajian Terhadap Karya Muḥaddithīn

Gaya penulisan *mukhtalif al-ḥadīth* ini merupakan penulisan berbentuk kajian terhadap karya-karya *muḥaddithīn* terdahulu. Penulisan ini terhad kepada karya tertentu sahaja yang menjadi skop penulisan. Penulisan ini sangat penting untuk memahami secara tepat manhaj dan disiplin ilmu *mukhtalif al-ḥadīth* yang diaplikasikan secara praktikal oleh *muḥaddithīn*. Di sini, pengkaji mendapati terdapat tiga aspek yang difokuskan menerusi gaya penulisan ini iaitu kajian berdasarkan bab hukum; iaitu hukum secara umum dan khusus, kajian berdasarkan manhaj penyelesaian; iaitu keseluruhan manhaj penyelesaian dan manhaj penyelesaian secara khusus, serta kajian perbandingan antara karya-karya *muḥaddithīn*. Perincian terhadap tiga aspek tersebut sebagaimana berikut:

i) Kajian Berdasarkan Bab Hukum

Sebahagian pengkaji hadith kontemporari yang mengkaji karya-karya *muḥaddithīn* terdahulu akan menganalisis perbincangan *mukhtalif al-ḥadīth* dan menyusun perbincangan tersebut berdasarkan bab-bab hukum sebagaimana kitab *fiqh*. Pengkaji mendapati gaya penulisan ini sering diaplikasikan; sama ada terhadap karya himpunan hadith seperti *al-Jāmi' al-Ṣaḥīḥ* oleh al-Bukhārī atau karya syarah hadith seperti *Fath al-Bārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* oleh Ibn Hajar. Matlamat penulisan gaya ini untuk memudahkan pembaca merujuk perbincangan *mukhtalif al-ḥadīth* dalam karya hadith tertentu. Justeru, ia sangat membantu untuk mengetahui permasalahan dan bilangan hadith bercanggah yang terdapat dalam karya hadith tertentu.

Tambahan itu, pengkaji mendapati terdapat dua pendekatan yang diaplikasikan oleh pengkaji hadith kontemporari ketika menyusun penulisan gaya ini iaitu perbincangan hukum secara umum atau perbincangan hukum secara khusus.

Pendekatan Pertama: Perbincangan Hukum Secara Umum

Bagi perbincangan hukum secara umum, pengkaji hadith akan menghimpun dan menyusun pelbagai bab hukum yang terdapat dalam sesebuah karya secara sistematik. Antara contoh karya yang dikategorikan dalam gaya penulisan ini ialah *Mukhtalif al-Ḥadīth 'Inda al-Imām Aḥmad: Jam'an wa Dirāsah* oleh 'Abdullāh bin Fawzān bin Ṣāliḥ al-Fawzān (2007), *Mukhtalif al-Ḥadīth 'Inda al-Imām al-Nawawī min Khilāl Sharḥihi 'alā Ṣaḥīḥ Muslim: Jam'an wa Dirāsah Muqāranah* oleh Maṣṣūr bin 'Abd al-Raḥmān bin 'Aqīl al-'Aqīl (2006), *Mukhtalif al-Ḥadīth 'Inda al-Imām al-Bayhaqī fī Sunanihi al-Kubrā: Jam'an wa Dirāsah* oleh Jawzā' Ziyād Ḥamūd al-Qurashī (2015), *Mukhtalif al-Ḥadīth fī Kitāb Nayl al-Awṭār li al-Imām Muḥammad bin 'Alī al-Shawkānī: Jam'an wa Dirāsah*, 'Abd al-Raḥmān bin Murād Khashīfatī (2015), *Mukhtalif al-Ḥadīth 'Inda al-Qāḍī 'Iyād min Khilāl Kitābihi Ikmāl al-Mu'lim: Jam'an wa Dirāsah Muqāranah* oleh Mājjid bin 'Alī bin 'Abd Allāh al-Ghāmidī (2015) dan *Mukhtalif al-Ḥadīth 'Inda al-Imām al-Tirmidhī fī Kitābihi al-Jāmi': Jam'ān wa Dirāsah Muqāranah* oleh 'Abd Allāh Walīd Muḥammad al-'Amūdī (2018).

Sebagai sampel, pengkaji membentangkan penulisan al-'Aqīl (2006) yang berjudul *Mukhtalif al-Ḥadīth 'Inda al-Imām al-Nawawī min Khilāl Sharḥihi 'alā Ṣaḥīḥ Muslim: Jam'an wa*

Dirāsah Muqaranah. Beliau (Al-‘Aqīl, 2006:2-3) menyatakan faktor pemilihan al-Nawawī dalam kajian ini disebabkan kedudukannya yang tinggi sebagai seorang ulama yang menguasai dan mengintegrasikan antara fikah dan hadith. Hal ini demikian kerana *mukhtalif al-ḥadīth* merupakan ilmu yang menggabungkan antara fikah dan hadith (Al-Nawawī, 2002:571). Selain itu, perbincangan karya ini yang komprehensif dan tidak terhad pada bab tertentu. Bahkan al-Nawawī mengaplikasikan manhaj *al-jawāmi‘ fī al-aḥādīth* iaitu menghimpunkan hadith-hadith yang merangkumi semua aspek. Tambahan itu, karya ini mampu membungkam dakwaan jahat golongan yang mencela hadith dan membersihkan hadith daripada tohmahan jahat.

Pada permulaan penulisan, al-‘Aqīl menganalisis teori ilmu *mukhtalif al-ḥadīth* serta latar belakang al-Nawawī dan karya *Sharḥ Ṣaḥīḥ Muslim*. Setelah itu, al-‘Aqīl menganalisis 23 kitab yang dikemukakan dalam karya tersebut. Bagi setiap tajuk, beliau mengemukakan hadith-hadith yang bercanggah dan menjelaskan sudut percanggahan. Setelah dikenalpasti sudut percanggahan, beliau mengemukakan penyelesaian yang dilakukan oleh al-Nawawī. Seterusnya, al-‘Aqīl menganalisis penyelesaian tersebut dengan mengemukakan pandangan ulama lain bagi memastikan ketepatan terhadap aplikasi manhaj penyelesaian *mukhtalif al-ḥadīth*. Perincian bab hukum yang dikemukakan oleh al-‘Aqīl adalah sebagaimana berikut:

BIL	KITAB	JUMLAH TAJUK
1	<i>Kitāb al-Īmān</i>	15
2	<i>Kitāb al-Ṭahārah</i>	1
3	<i>Kitāb al-Ṣalāh</i>	6
4	<i>Kitāb al-Zakāt</i>	1
5	<i>Kitāb al-Ṣiyām</i>	3
6	<i>Kitāb al-Ḥajj</i>	5
7	<i>Kitāb al-Buyū‘</i>	1
8	<i>Kitāb al-Aymān</i>	1
9	<i>Kitāb al-Ḥudūd</i>	2
10	<i>Kitāb al-Jihād wa al-Siyār</i>	18
11	<i>Kitāb al-Imārah</i>	1
12	<i>Kitāb al-Ṣayd wa al-Dhabāiḥ</i>	7
13	<i>Kitāb al-Ashribah</i>	1
14	<i>Kitāb al-Libās wa al-Zīnah</i>	2
15	<i>Kitāb al-Ādāb</i>	7
16	<i>Kitāb al-Alfāz min al-Adab wa Ghayrihā</i>	11
17	<i>Kitāb al-Ru’yā</i>	1
18	<i>Kitāb al-Faḍāil</i>	8
19	<i>Kitāb al-Qadar</i>	1
20	<i>Kitāb al-Dhikr wa al-Du‘ā’</i>	1
21	<i>Kitāb Ṣifāt al-Munāfiqīn</i>	1
22	<i>Kitāb al-Jannah wa Ṣifah Na‘īmuha wa Ahluhā</i>	4
23	<i>Kitāb al-Fitan wa Ashrāt al-Sā‘ah</i>	4
JUMLAH		102

Pendekatan Kedua: Perbincangan Hukum Secara Khusus

Pendekatan kedua yang diaplikasikan oleh pengkaji hadith kontemporari ketika menyusun penulisan gaya ini ialah perbincangan hukum secara khusus. Pendekatan ini bermaksud

pengkaji hadith hanya memfokuskan permasalahan hukum tertentu sahaja seperti perkara yang membatalkan puasa, penentuan hukuman terhadap pencuri, pengurusan jenazah, hukum berkaitan wanita dan seumpamanya. Antara contoh karya dalam kategori ini ialah *Manhaj Ibn Baṭṭāl fī Ta'wīl Mukhtalif al-Ḥadīth min Khilāl Kitābih Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī: Min Awwali Kitāb al-Īmān ilā Ākhir Kitāb al-Ṣalāh Namūdhajan* oleh Maddāh Thāmir (2011), *Daf'u mā Yūham Ta'arud al-Aḥādīth al-Fi'liyyah li al-Aḥādīth al-Qawliyyah: Min Awwal Bāb Ṣalāh al-Taṭawwu' ilā Nihāyah Kitāb al-Zakāt: Jam'an wa Dirāsah* oleh Sāmī bin Muḥammad 'Abd Allāh al-'Umar (2012), *Athar Mukhtalif al-Ḥadīth 'alā al-Aḥkām al-Fiḥiyyah al-latī Tunāt bi al-Mar'ah min Khilāl Kitāb Bidāyah al-Mujtahid wa Nihāyah al-Muqtaṣid li Ibn Rush al-Ḥafīd* oleh 'Ubayr Ṣāliḥ Bulbul (2013), *Masāil al-'Aqīdah fī Kitāb Ta'wīl Mukhtalif al-Ḥadīth li al-Imām Abū Muḥammad 'Abdillāh bin Muslim bin Qutaybah: Dirāsah Taḥlīliyyah* oleh Jamāl Aḥmad Ḥusayn al-Ṭilā' (2012), *Al-Aḥādīth al-Muta'arīdah fī al-Janāiz wa Atharuhā 'alā al-Aḥkām al-Fiḥiyyah* oleh Ṣalāḥ Nūr al-Dīn Ibrāhīm Nūr (2014), *Mukhtalif al-Ḥadīth wa Atharuhu fī Ikhtilāf al-Fuqahā': Dirāsah Taṭbīqiyyah fī Ḥadd al-Sariqah* oleh Amīn 'Abd al-Qādir al-'Awāṭilī (2014) dan *Mukhtalif al-Ḥadīth wa Mushkiluh wa Atharuh fī Ikhtilāf al-Fuqahā': Dirāsah Taṭbīqiyyah 'alā Abwāb al-Jihād - al-Dhabāih wa al-Ṣayd - al-'Aqīqah - al-Aṭ'imah wa al-Ashribah* oleh Īmān Ramaḍān al-Ghazālī (2014).

Sebagai sampel, pengkaji membentangkan penulisan Amīn 'Abd al-Qādir al-'Awāṭilī (2014) yang berjudul *Mukhtalif al-Ḥadīth wa Atharuhu fī Ikhtilāf al-Fuqahā': Dirāsah Taṭbīqiyyah fī Ḥadd al-Sariqah*. Menurut al-'Awāṭilī (2014:4), beliau memilih tajuk ini kerana kepentingan kajian untuk memberi penjelasan yang tuntas berkaitan permasalahan *mukhtalif al-ḥadīth* dan sebab berlakunya perselisihan para *fuqahā'* berkaitan pelaksanaan hukuman jenayah mencuri. Di samping itu, ia bertujuan mencungkil kaedah para *fuqahā'* berinteraksi dengan hadith-hadith yang bercanggah berkaitan permasalahan ini.

Selain membincangkan teori *mukhtalif al-ḥadīth*, al-'Awāṭilī memfokuskan penulisan berkaitan hukuman terhadap jenayah mencuri yang merangkumi definisi, hukum, hikmah pensyarian dan sifat hukuman, serta berkaitan rukun, syarat dan kaedah penetapan jenayah kecurian, serta perkara yang menggugurkan hukuman terhadap pencuri. Setelah itu, al-'Awāṭilī mengemukakan enam permasalahan berkaitan dengan hukuman potong tangan yang perlu diselesaikan berdasarkan *mukhtalif al-ḥadīth*. Bagi setiap permasalahan, al-'Awāṭilī menganalisis percanggahan antara hadith dan mengemukakan kesan perselisihan dari sudut fikah. Berdasarkan analisis yang dilakukan, pengkaji mendapati al-'Awāṭilī mengemukakan analisis yang terperinci. Hal ini disebabkan permasalahan yang difokuskan adalah berkaitan hukuman terhadap kesalahan mencuri sahaja.

ii) Kajian Berdasarkan Manhaj Penyelesaian

Sebahagian pengkaji hadith kontemporari mengeluarkan dan menyusun perbincangan *mukhtalif al-ḥadīth* berdasarkan manhaj penyelesaian. Mereka menyusun bab-bab dalam penulisan mereka berdasarkan manhaj penyelesaian *al-jam'*, *al-naskh*, *al-tarjīḥ* dan *al-tawaqquf*. Tambahan itu, mereka turut mengemukakan kaedah-kaedah praktikal bagi setiap manhaj tersebut. Matlamat penulisan gaya ini memudahkan pembaca merujuk penyelesaian praktikal *muhaddithīn* dalam menyelesaikan percanggahan antara hadith secara sistematik. Justeru, pembaca dapat memahami secara holistik dan mengasah keupayaan diri untuk menyelesaikan percanggahan antara hadith yang tidak dikemukakan dalam karya tersebut.

Dalam menyusun penulisan gaya ini, pengkaji turut mendapati terdapat dua pendekatan yang diaplikasikan oleh pengkaji hadith kontemporari iaitu menghimpunkan keseluruhan manhaj penyelesaian atau memfokuskan manhaj penyelesaian secara khusus.

Pendekatan Pertama: Menghimpunkan Keseluruhan Manhaj Penyelesaian

Bagi pendekatan pertama iaitu menghimpunkan keseluruhan manhaj penyelesaian, terdapat banyak penulisan yang dihasilkan oleh pengkaji hadith kontemporari seperti *Mukhtalif al-Ḥadīth 'Inda al-Imām al-Taḥāwī fī Daw' Kitābihi Sharḥ Ma 'ānī al-Āthār* oleh Wadī' 'Abd al-Mu'ī Sa'ūd Ibdāḥ (1994), *Manhaj Ibn Ḥajar fī Mukhtalif al-Ḥadīth min Khilāl Kitābihi Faṭḥ al-Bārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī: 'Arḍun wa Taḥlīl* oleh Jawwād Muḥammad Aḥmad Darwīsh (2001), *Manhaj al-Imām al-Taḥāwī fī Daf'i al-Ta'āruḍ Bayna al-Nuṣūṣ al-Shar'iyah min Khilāl Kitābih Sharḥ Mushkil al-Āthār* oleh Ḥasan bin 'Abd al-Ḥamīd bin 'Abd al-Ḥakīm Bukhārī (2001), *Manhaj Al-Aynī fī Mukhtalif al-Ḥadīth: Dirāsah Taṭbīqiyah 'alā Kitābihi 'Umdah al-Qārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* oleh Samīrah Ibrāhīm Ḥamdān Ikhzīq (2013), *Manhaj Ibn al-Mundhir fī Mukhtalif al-Ḥadīth: Dirāsah Taṭbīqiyah min Khilāl Kitābihi al-Awsaṭ min al-Sunan wa al-Ijmā' wa al-Ikhtilāf* oleh 'Īd 'Abd Allāh Aḥmad al-Ṣayfī (2015), *Mukhtalif al-Ḥadīth 'Inda al-Qāḍī Ibn al-'Arabī fī Kitābihi al-Masālik fī Sharḥ Muwaṭṭa' Mālik: Jam'an wa Dirāsah* oleh Munīrah binti 'Abd Allāh bin Ṣāliḥ al-'Iskir (2015), *Manhaj al-Imām Ibn al-Mulaqqin fī Daf'i al-Ta'āruḍ Bayna al-Nuṣūṣ min Khilāl Kitābihi al-Tawḍīḥ li Sharḥ al-Jāmi' al-Ṣaḥīḥ* oleh Ibrāhīm bin Faṭḥī bin Salmān Abū Jāmi' (2016), *Manhaj al-Imām Ibn Qayyim al-Jawziyyah fī Mukhtalif al-Ḥadīth wa Atharuhu fī Binā' al-Aḥkām al-Fiqhiyyah: Dirāsah Taṭbīqiyah min Khilāl Kitābihi Zād al-Ma'ād* oleh Muḥammad Aḥmad Muḥammad Abū Sha'bān (2018), *Al-Ḥāfiẓ Ibn Rajab al-Ḥanbalī wa Manhajuhu fī Dirāsah Mukhtalif al-Ḥadīth* oleh 'Aqabāwī al-'Āliyah (2019) dan *Manhaj Mukhtalif al-Ḥadīth Oleh al-Marbawi Dalam Baḥr al-Mādhi Li Sharḥ al-Mukhtaṣar Ṣaḥīḥ al-Tirmidhi* oleh Mohd Solleh bin Ab Razak (2022).

Sebagai sampel, pengkaji membentangkan penulisan Jawwād Muḥammad Aḥmad Darwīsh (2001) yang berjudul *Manhaj Ibn Ḥajar fī Mukhtalif al-Ḥadīth min Khilāl Kitābihi Faṭḥ al-Bārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī: 'Arḍun wa Taḥlīl*. Menurut Jawwād (2001:2), kajian ini penting kerana ia berkait dengan pelbagai permasalahan hadith, *uṣūl al-fiqh*, fikah dan bahasa. Justeru, pemilihan karya *Faṭḥ al-Bārī* oleh Ibn Ḥajar sebagai fokus kajian kerana ia merupakan karya syarah hadith yang terbaik bagi *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* (Ṣiddīq Khān, 1985:71).

Dari sudut kerangka kajian, setelah Jawwād mengemukakan perbincangan berkaitan *mukhtalif al-ḥadīth*, latar belakang Ibn Ḥajar dan karyanya *Faṭḥ al-Bārī*, beliau memfokuskan analisis terhadap manhaj Ibn Ḥajar dalam menyelesaikan percanggahan antara hadith. Beliau menganalisis manhaj penyelesaian *al-jam'*, *al-naskh* dan *al-tarjīh* pada fasal yang berasingan. Setiap fasal tersebut, Jawwād mengemukakan definisi manhaj dan syarat-syarat aplikasinya, lalu beliau menganalisis kaedah pelaksanaan manhaj beserta contoh-contohnya. Pengkaji mendapati Jawwād lebih memfokuskan perbincangan manhaj penyelesaian secara terperinci berbanding perbincangan lain kerana ia merupakan fokus utama kajian tersebut.

Pendekatan Kedua: Memfokuskan Manhaj Penyelesaian Secara Khusus

Bagi pendekatan kedua iaitu memfokuskan manhaj penyelesaian secara khusus sahaja, pengkaji hadith hanya memfokuskan satu manhaj penyelesaian sahaja dan tidak menganalisis manhaj penyelesaian lain. Pengkaji mendapati banyak penulisan yang dihasilkan oleh pengkaji hadith kontemporari seperti *Wujūh al-Tarjīh al-Ḥadīthiyah fī Sharḥ Mushkil al-Āthār li al-Imām al-Taḥāwī* oleh Ṣāliḥ bin Ḥamd bin Muḥammad al-Ḥawwās (1997), *Al-Naskh fī Aḥādīth Ṣaḥīḥ al-*

Bukhārī: Dirāsah Ta'şīliyyah Fiqhiyyah oleh Māhir 'Īsā 'Ulwān (2010), *Qawā'id al-Tarjīh fī Ikhtilāf al-Asānīdi* oleh Ḥamad bin Ibrāhīm al-'Uthmān (2012), *Al-Tarjīh Bayn Mukhtalif al-Ḥadīth 'Inda al-Imām al-Shāfi'ī min Khilāl Kitābihi Ikhtilāf al-Ḥadīth* oleh Būkfūsah al-Ḥāj (2015), *Al-Jam' Bayn al-Aḥādīth al-Muta'arīdah 'Inda al-Imām al-Shāfi'ī fī Kitābihi Ikhtilāf al-Ḥadīth*, oleh Maryam Shu'ayb (2016) dan *Tarjīh Riwayah al-Aḥfaz wa Atharuhu fī Ta'wīl Mukhtalif al-Ḥadīth* oleh Maddāḥ Thāmir (2019).

Sebagai sampel, penulis membentangkan penulisan Maryam Shu'ayb (2016) yang berjudul *Al-Jam' Bayn al-Aḥādīth al-Muta'arīdah 'Inda al-Imām al-Shāfi'ī fī Kitābihi Ikhtilāf al-Ḥadīth*. Menurut Maryam Shu'ayb (2016:7), beliau hanya memfokuskan manhaj penyelesaian *al-jam'* disebabkan keutamaan manhaj ini berbanding manhaj lain. Hal ini demikian kerana manhaj ini menatijahkan keseluruhan hadith dapat diamalkan dan tidak mengabaikan mana-mana hadith (Ibn Khuzaymah, 1970:2/250) dan ia merupakan tanggungjawab *muḥaddithīn* agar berusaha mengamalkan kedua-dua hadith sedaya upaya (Ibn 'Abd al-Barr, 1966:4/165). Tambahan itu, aplikasi manhaj *al-jam'* mampu memadamkan tohmahan dan sangkaan buruk bahawa terdapat percanggahan antara hadith-hadith sehingga sebahagian hadith perlu ditinggalkan. Di samping itu, aplikasi manhaj *al-jam'* memerlukan seseorang yang menguasai ilmu hadith, ilmu bahasa dan ilmu *uṣūl al-fiqh* (Al-Nawāwī, 2002:571). Justeru, gabungan antara ilmu-ilmu ini menunjukkan ketinggian dan penguasaan seseorang dalam disiplin ilmu agama.

Bagi mencapai matlamat kajian, Maryam Shu'ayb terlebih dahulu mengemukakan perbincangan berkaitan *mukhtalif al-ḥadīth* dan latar belakang al-Shāfi'ī serta manhaj penulisan *Ikhtilāf al-Ḥadīth*. Setelah itu, Maryam Shu'ayb mula menganalisis manhaj *al-jam'* yang diaplikasikan oleh al-Shāfi'ī secara terperinci melalui tiga sub topik, iaitu: Pertama, analisis terhadap syarat-syarat aplikasi manhaj *al-jam'* yang ditetapkan oleh ulama secara umum dan al-Shāfi'ī secara khusus. Kedua, analisis berkaitan tatacara dan tertib mengaplikasikan *al-jam'* di sisi ulama; sama ada mendahulukan atau mengakhirkannya atau mengabaikan manhaj *al-jam'*. Ketiga, analisis terhadap kaedah-kaedah *al-jam'* yang diaplikasikan oleh al-Shāfi'ī. Maryam Shu'ayb memperincikan analisis tersebut dengan mengemukakan kaedah aplikasinya iaitu *takhsīṣ* terhadap hadith *'ām* dan *taqyīd* terhadap hadith *muṭlaq*, mentakwilkan maksud perintah dengan maksud sunat atau harus dan memahami larangan dengan maksud makruh, memahami perbezaan keadaan, individu yang terlibat dan masa sesuatu peristiwa berlaku. Setelah itu, beliau mengemukakan contoh praktikal yang diaplikasikan oleh al-Shāfi'ī. Beliau mengemukakan dua atau tiga contoh permasalahan yang terdapat dalam karya *Ikhtilāf al-Ḥadīth* beserta analisis. Perbincangan yang dikemukakan berjaya memberikan gambaran lebih jelas dan praktikal berkaitan kaedah mengaplikasikan manhaj *al-jam'* dalam menyelesaikan percanggahan antara hadith dengan lebih tepat.

iii) Kajian Perbandingan Antara Karya

Gaya penulisan kajian perbandingan antara karya-karya hadith terdahulu merupakan gaya membandingkan persamaan atau perbezaan dari sudut tertentu; sama ada manhaj dan kaedah penyelesaian terhadap percanggahan antara hadith atau hasil penyelesaian terhadap permasalahan tertentu. Hal ini bergantung kepada objektif yang ingin dicapai dalam sesebuah kajian. Antara karya yang mengaplikasikan gaya ini ialah *Manhaj al-Imām al-Bukhārī fī Mukhtalif al-Ḥadīth fī Ṣaḥīḥihi wa al-Muwāzanah Baynahu wa Bayna Manhaj al-Imām al-Tirmidhī fī Mukhtalif al-Ḥadīth fī Jāmi'ihī* oleh 'Abdullāh Mustafa Sa'id Murtajī (2000), *Al-Muwāzanah Bayna Manhajay al-Imāmayn al-Shāfi'ī wa Ibn Qutaybah min Khilāl Kitābayhimā Ikhtilāf al-Ḥadīth wa Ta'wīl Mukhtalif al-Ḥadīth* oleh Maḥmūd Ṣidqī al-Habbāsh, (2001) dan

Mukhalif al-Ḥadīth fī Ṣaḥīḥay Ibn Khuzayman wa Ibn Ḥibbān: Dirāsah Manhajīyyah Muqāranah oleh Iftikhār Aḥmad bin Muḥammad Ismā‘īl Kākīr (2010).

Sebagai sampel, penulis membentangkan penulisan ‘Abdullāh Mustafā Sa‘id Murtaḡī (2000) yang berjudul *Manhaj al-Imām al-Bukhārī fī Mukhtalif al-Ḥadīth fī Ṣaḥīḥihī wa al-Muwāzanah Baynahu wa Bayna Manhaj al-Imām al-Tirmidhī fī Mukhtalif al-Ḥadīth fī Jāmi‘ihī*. Menurut Murtaḡī (2000:ii), objektif penulisan ini untuk membongkar keupayaan al-Bukhārī dalam menyusun hadith-hadith dan pelaksanaan beliau dalam menghilangkan percanggahan antara hadith dalam permasalahan tertentu. Seterusnya, beliau membandingkan pendekatan al-Bukhārī dengan muridnya iaitu al-Tirmidhī dari sudut kesan pandangan al-Bukhārī terhadap al-Tirmidhī dan perbezaan antara mereka dalam mengaplikasikan ilmu *mukhtalif al-ḥadīth*.

Bagi mencapai objektif penulisan ini, Murtaḡī memulakan penulisan dengan mengemukakan perbincangan ilmu *mukhtalif al-ḥadīth*, al-Bukhārī dan al-Tirmidhī beserta karya mereka. Seterusnya, beliau mengemukakan analisis perbandingan antara kedua-dua karya tersebut dengan mengkhususkan setiap bab untuk setiap manhaj penyelesaian iaitu *al-jam‘*, *al-naskh* dan *al-tarjīḥ*. Melalui kajian ini, Murtaḡī membuat perbandingan dalam permasalahan tertentu dan menganalisis kaedah yang diaplikasikan dalam karya tersebut. Beliau berjaya mengemukakan sembilan kaedah *al-jam‘*, tiga manhaj *al-naskh* dan 19 kaedah *al-tarjīḥ*. Hasil perbandingan tersebut mendapati terdapat persamaan dan perbezaan antara al-Bukhārī dan al-Tirmidhī dalam menyelesaikan percanggahan antara hadith. Walaupun demikian, kedua-duanya berjaya menyelesaikan percanggahan antara hadith berdasarkan ijtihad mereka.

Kesimpulan

Kesungguhan *muḥaddithīn* dalam menyelesaikan percanggahan antara hadith terbukti apabila pelbagai karya-karya *mukhtalif al-ḥadīth* dihasilkan sejak al-Shāfi‘ī menerbitkan karya khusus ilmu ini iaitu *Ikhtilāf al-Ḥadīth*. Penerbitan karya-karya berkaitan ini terus berkembang selaras perkembangan zaman. Tambahan itu, pelbagai gaya penulisan disajikan kepada masyarakat yang pelbagai latar belakang agar perbincangan *mukhtalif al-ḥadīth* sentiasa dekat dengan masyarakat.

Kepekaan *muḥaddithīn* terhadap ilmu ini terbukti apabila pelbagai gaya penulisan karya *mukhtalif al-ḥadīth* dihasilkan. Pada zaman terdahulu, penulisan *mukhtalif al-ḥadīth* dapat ditemui melalui penulisan dalam karya *‘ulūm al-ḥadīth*, karya umum hadith, karya khusus *mukhtalif al-ḥadīth* dan karya umum *fiqh*. Penerbitan karya *mukhtalif al-ḥadīth* tidak luput dengan peredaran zaman, bahkan diteruskan oleh para pengkaji hadith kontemporari. Hal ini terbukti apabila penulisan *mukhtalif al-ḥadīth* bukan sekadar diterbitkan dalam karya-karya umum, bahkan pelbagai universiti turut memberi sumbangan besar kepada penulisan ini apabila pihak universiti meluluskan dan menerbitkan pelbagai kajian *mukhtalif al-ḥadīth* pada peringkat sarjana dan doktor falsafah.

Pada zaman kontemporari ini, gaya penulisan *mukhtalif al-ḥadīth* semakin berkembang. Terdapat dua gaya penulisan utama iaitu penulisan umum *mukhtalif al-ḥadīth* sebagaimana karya-karya sebelum ini dan penulisan berbentuk kajian terhadap karya *muḥaddithīn*. Bagi penulisan berbentuk kajian terhadap karya *muḥaddithīn*, terdapat tiga gaya penulisan yang dipraktikkan oleh pengkaji hadith kontemporari iaitu kajian berdasarkan bab hukum; iaitu hukum secara umum dan secara khusus, kajian berdasarkan manhaj penyelesaian; iaitu keseluruhan manhaj penyelesaian dan manhaj penyelesaian secara khusus, serta kajian perbandingan antara karya-karya *muḥaddithīn*.

Penghasilan karya dengan pelbagai gaya penulisan telah memperkukuhkan lagi kefahaman dalam menyelesaikan percanggahan antara hadith berdasarkan disiplin ilmu *mukhtalif al-hadith*. Gaya penulisan ini lebih memudahkan pembaca untuk merujuk dan menyelesaikan percanggahan yang ditemui dalam kehidupan. Sekaligus menghapuskan segala kekeliruan dan kesangsian terhadap hadith sebagai sumber utama agama Islam. Walaupun demikian, penumpuan dan penekanan terhadap percanggahan antara hadith yang melibatkan isu-isu semasa kurang diberi perhatian oleh pengkaji hadith kontemporari. Justeru, kelompangan ini sewajarnya ditampung bagi menghadapi cabaran realiti semasa. Penambahbaikan ini penting agar perbincangan *mukhtalif al-hadith* kekal subur di arus perdana.

Rujukan

- ‘Abd Allāh Fawzān bin Ṣālīḥ al-Fawzān (1428H), *Mukhtalif al-Ḥadīth ‘Inda al-Imām Aḥmad: Jam‘an wa Dirāsah*, Riyād: Maktabah Dār al-Minhāj.
- ‘Itr, Nūr al-Dīn (1979). *Manhaj al-Naqd fī ‘Ulūm al-Ḥadīth*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Abū Jāmi‘, Ibrāhīm bin Fathī bin Salmān (2016), “*Manhaj al-Imām Ibn al-Mulaqqin fī Daf‘i al-Ta‘arūḍ Bayna al-Nuṣūṣ min Khilāl Kitābihi al-Tawḍīḥ li Sharḥ al-Jāmi‘ al-Ṣaḥīḥ*”, Tesis sarjana, al-Jāmi‘ah al-Islāmiyyah bi Ghazzah.
- Al-‘Amūdī, ‘Abd Allāh Walīd Muḥammad (2018), “*Mukhtalif al-Ḥadīth ‘Inda al-Imām al-Tirmidhī fī Kitābihi al-Jāmi‘: Jam‘ wa Dirāsah Muqāranah*”, Tesis sarjana, al-Jāmi‘ah al-Islāmiyyah bi Ghazzah.
- Al-‘Aqīl, Maṣṣūr bin ‘Abd al-Raḥmān bin ‘Aqīl (2006), “*Mukhtalif al-Ḥadīth ‘Inda al-Imām al-Nawawī min Khilāl Sharḥihi ‘alā Ṣaḥīḥ Muslim: Jam‘an wa Dirāsah Muqāranah*”, tesis sarjana, Jāmi‘ah Umm al-Qurā, Mekah.
- Al-‘Awāṭilī, Amīn ‘Abd al-Qādir (2014), “*Mukhtalif al-Ḥadīth wa Atharuhu fī Ikhtilāf al-Fuqahā’: Dirāsah Taḥqīqiyah fī Hadd al-Sariqah*”, teris sarjana, Jāmi‘ah Jerash, Jordan.
- Al-‘Awnī, al-Sharīf Ḥātim bin ‘Ārif (2021). *Sharḥ al-Ḥadīth al-Nabawī: Dirāsah fī al-Ta‘rīkh li al-‘Ilm wa al-Ta‘ṣīl lahu wa Taqwīm al-Muṣannafāt fih wa al-Tadrīb ‘Alayh*, Beirut: Markaz Namā’ li al-Baḥṡ wa al-Dirāsāt.
- _____ (2022). *Naṣāiḥ Manhajiyah li Ṭālib ‘Ilmi al-Sunnah al-Nabawiyyah*, Dimashq: Dār al-Mi‘rāj.
- Al-‘Irāqī, Abū al-Faḍl ‘Abd al-Raḥīm bin Ḥusayn (2002), *Sharḥ al-Tabṣīrah wa al-Tadhkirah*, ed. Māhir Yāsīn al-Fahl dan ‘Abd al-Laṭīf al-Hamīm, Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Al-Dihlawī, Aḥmad bin ‘Abd al-Raḥīm (2005), *Ḥujjatullāh al-Bālighah*, ed. Al-Sayyid Sābiq, Beirut: Dār al-Jīl.
- Al-Dūsarī, Sa‘d Fajḥān (2011), *Qawā‘id Raf‘ al-Ikhtilāf fī al-Ḥadīth al-Nabawī*, Beirut: Muassasah al-Risālah.
- Al-Fayrūz Ābādī, Muḥammad bin Ya‘qūb (2005), *Al-Qāmūs al-Muḥīt*, ed. Muḥammad Na‘īm al-‘Arqasūsī, Beirut: Muassasah al-Risālah.
- Al-Fayyūmī, Aḥmad bin Muḥammad bin ‘Alī (2016), *Al-Miṣbāḥ al-Munīr fī Gharīb al-Sharḥ al-Kabīr li al-Rāfi‘ī*, Beirut: al-Maktabah al-‘Ilmiyyah.
- Al-Hādī Rūshū (2009). *Mukhtalif al-Ḥadīth wa Juhūd al-Muḥaddithīn fih: Dirāsah Naqdiyyah*. Beirut: Dār Ibn Ḥazm.
- Al-Ḥākīm, Abū ‘Abd Allāh Muḥammad bin ‘Abd Allāh (1977), *Ma‘rifah ‘Ulūm al-Ḥadīth*, Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Al-Kattani, Muhammad bin Ja‘far (1986), *Al-Risālah al-Mustaṭrifah li Bayān Mashhūr Kutub al-Sunnah al-Muṣannafah*, cet: 4, Beirut: Dar al-Bashair al-Islamiyyah.
- Al-Khaṭīb al-Baghdādī, Abū Bakr Aḥmad bin ‘Alī bin Thābit (tt.), *Al-Kifāyah fī ‘Ilm al-Riwāyah*, ed. Abū ‘Abdullāh al-Suraqī dan Ibrāhīm Ḥamdi al-Madānī, (Madinah: al-Maktabah al-‘Ilmiyyah.

- Al-Nawawī, Abū Zakariyyā Yaḥyā bin Sharaf (1985), *Al-Taqrīb wa al-Taysīr li Ma‘rifah Sunan al-Bashīr wa al-Nazīr*, ed. Muḥammad ‘Uthmān al-Khashat, (Beirut: Dār al-Kitāb al-‘Arabī.
- _____ (2002), *Irshād Ṭullāb al-Ḥaqā’iq ilā Ma‘rifah Sunan Khayr al-Khalā’iq*, ed. Nūr al-Dīn ‘Itr, Damsyik: Dār al-Yamāmah.
- Al-Qarāfī, Shihāb al-Dīn Aḥmad bin Idrīs, (2003), *Al-Furūq*, Beirut: Muassasah al-Risālah.
- Al-Qārī, ‘Alī bin Sulṭān Muḥammad (1415H), *Sharḥ Sharḥ Nukhbah al-Fikar fī Muṣṭalahat Ahl al-Āthār*, ed. Muḥammad Nizār Tamīm dan Haythām Nizār Tamīm, Beirut: Sharikah Dār al-Arqām bin Abī al-Arqām.
- Al-Raghīb, al-Ḥusayn bin Muḥammad (1412H), *Al-Mufradāt fī Gharīb al-Qur’ān*, ed. Ṣafwān ‘Adnān al-Dāwudī, Beirut: Dār al-Qalam.
- Al-Sakhāwī, Muḥammad bin ‘Abd al-Raḥman bin Muḥammad (2003), *Fath al-Mughīth bi Sharḥ Alfīyah al-Ḥadīth li al-‘Irāqī*, Tahqīq: ‘Alī Ḥasan ‘Alī. (Mesir: Maktabah al-Sunnah.
- Al-Shāfi‘ī, Muḥammad bin Idrīs (2005), *Al-Risālah*, ed. Aḥmad Muḥammad Shākīr, Kaherah: Maktabah al-Shurūq al-Dawliyah.
- Al-Shāfi‘ī, Muḥammad bin Idrīs, (2011) *‘Ikhtilāf al-Ḥadīth’* dalam *al-Umm*, ed. Dr. Rif‘at Fawzī ‘Abd al-Muṭṭalib, Beirut: Dār Ibn Ḥazm.
- Al-Sūsiwah, ‘Abd al-Majīd Muḥammad Ismā‘īl (1997), *Manhaj al-Tawfīq wa al-Tarjīḥ Bayna Mukhtalif al-Ḥadīth wa Atharuhu fī al-Fiqh al-Islāmī*. Beirut: Dār al-Dhakhāir.
- Al-Suyūṭī, Jalāl al-Dīn ‘Abd al-Raḥmān bin Abī Bakr (1979), *Tadrīb al-Rāwī fī Sharḥ Taqrīb al-Nawawī*, Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Būkfūsah al-Ḥaj (2015), *“Al-Tarjīḥ Bayn Mukhtalif al-Ḥadīth Ind al-Imām al-Shāfi‘ī min Khilāl Kitābihi Ikhtilāf al-Ḥadīth”*, tesis sarjana, Universite d’Oran, Algeria.
- Faisal Ahmad Shah (2019), *Mengharmonikan Percanggahan Dan Kesamaran Dalam Hadis*, Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Ḥasan bin ‘Abd al-Ḥamīd bin ‘Abd al-Ḥakīm Bukhārī (1422H), *“Manhaj al-Imām al-Ṭahāwī fī Daf‘ al-Ta‘āruḍ Bayn al-Nuṣūṣ al-Shar‘iyyah Min Khilāl Kitābihi Sharḥ Mushkil al-Āthār”*, tesis sarjana, Jāmi‘ah Umm al-Qurā, Mekah.
- Ibn ‘Abd al-Barr, Yūsuf bin ‘Abd Allāh (1966). *Al-Tamhīd limā fī al-Muwaṭṭā’ min al-Ma‘ānī wa al-Asānid*, ed. Muṣṭafa bin Aḥmad al-‘Alawī dan Muḥammad ‘Abd al-Kabīr al-Bakrī. Maghribi: Wizārah ‘Umūm al-Awqāf wa al-Shu‘ūn al-Islāmiyyah.
- Ibn Fāris, Abū al-Ḥusayn Aḥmad bin Fāris bin Zakariyyā (1979), *Mu‘jam Maqāyis al-Lughah*, ed. ‘Abd al-Salām Muḥammad Hārūn, Kaherah: Dār al-Fikr.
- Ibn Ḥajar, Aḥmad bin ‘Alī al-‘Asqalānī (2012), *Nuzḥah al-Nazar fī Tawḍīḥ Nukhbah al-Fikr fī Muṣṭalah Ahl al-Āthār*, ed. Nūr al-Dīn ‘Itr, Karachi: Maktabah al-Bushrā.
- Ibn Ḥazm, ‘Alī bin Aḥmad bin Sa‘īd al-Zāhirī (t.t.), *Al-Iḥkām fī Uṣūl al-Aḥkām*, ed. Aḥmad Muḥammad Shākīr, Beirut: Dār al-Āfāq al-Jadīdah.
- Ibn Jamā‘ah, Muḥammad bin Ibrāhīm bin Sa‘dullāh (1404H), *Al-Manhal al-Rāwī fī Mukhtaṣar ‘Ulūm al-Ḥadīth al-Nabawī*, ed. Dr. Maḥyuddīn ‘Abd al-Raḥmān Ramaḍān, Dimasyq: Dār al-Fikr.
- Ibn Khuzaymah, Muḥammad bin Ishāq al-Naysāburī (1970), *Ṣaḥīḥ Ibn Khuzaymah*, ed. Dr. Muḥammad Muṣṭafā al-A‘zamī, (Beirut: al-Maktab al-Islāmī.
- Ibn Manzūr, Muḥammad bin Mukram (1414H), *Lisān al-‘Arab*, Beirut: Dār al-Ṣādir.
- Ibn Qutaybah, ‘Abdullāh bin Muslim al-Dīnawarī (1999). *Ta’wīl Mukhtalif al-Ḥadīth*. Beirut: al-Maktab al-Islami.
- Ibn Ṣalāḥ, ‘Uthmān bin ‘Abd al-Raḥmān al-Shahrāzurī (2010), *Muqaddimah Ibn al-Ṣalāḥ*, Kaherah: Dār al-Ḥadīth.

- Iftikhār Aḥmad bin Muḥammad Ismā‘īl Kākīr (2010), *“Mukhalif al-Ḥadīth fī Ṣaḥīḥay Ibn Khuzaymah wa Ibn Hibbān: Dirāsah Manhajīyyah Muqāranah”*, tesis kedoktoran, al-Jāmi‘ah al-Islāmiyyah al-Ālamiyyah, Islāmabad, India.
- Jawwād Muḥammad Aḥmad Darwīsh (2001), *“Manhaj Ibn Ḥajar fī Mukhtalif al-Ḥadīth min Khilāl Kitābihi Faṭḥ al-Bārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī: ‘Arḍun wa Taḥlīl”*, tesis sarjana, al-Jāmi‘ah al-Islāmiyyah, Ghazzah.
- Jawzā’ Ziyād Ḥamūd (1436H), *“Mukhtalif al-Ḥadīth ‘inda al-Imām al-Bayhaqī fī Sunanihi al-Kubrā: Jam‘an wa Dirāsah”*, tesis sarjana, Saudi: Jāmi‘ah Umm al-Qurā.
- Luṭfī Muḥammad al-Zaghīr (2008), *Al-Ta‘arūf fī al-Ḥadīth*, Riyāḍ: Maktabah Obeikan.
- Maḍāḥ Thāmir (2012), *“Manhaj Ibn Baṭṭāl fī Ta‘wīl Mukhtalif al-Ḥadīth min Khilāl Kitābihi Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī min Awwal Kitāb al-Īmān ilā Ākhir Kitāb al-Ṣalāh Namūdhajan: Dirāsah Istiqrāiyyah Taḥlīliyyah”*, Tesis sarjana, Jāmi‘ah Al-Jazāir.
- Māhir ‘Isā ‘Ulwān (2011), *Al-Naskh fī Aḥādīth Ṣaḥīḥ al-Bukhārī: Dirāsah Ta‘shīliyyah Fiqhiyyah*, Oman: Dār al-Fārūq.
- Maḥmūd Ṣidqī al-Habbāsh (2001), *“Al-Muwāzanah Bayn Manhajay al-Imāmayn al-Shāfi‘ī wa Ibn Qutaybah Min Khilāl Kitābayhimā Ikhtilāf al-Ḥadīth wa Ta‘wīl Mukhtalif al-Ḥadīth”*, tesis sarjana, al-Jāmi‘ah al-Islāmiyyah, Ghazzah.
- Maryam Shu‘ayb (2016), *“Al-Jam‘ Bayn al-Aḥādīth al-Muta‘arīdah ‘Ind al-Imām al-Shāfi‘ī fī Kitābihi Ikhtilāf al-Ḥadīth”*, tesis sarjana, al-Jazair: Universite Abou Bekr Belkaid, Tilmisan.
- Mohd Nor Adzhar Ibrahim & Roshimah Shamsudin (2019), “Konsep al-Taṣnīf al-Mawḍū‘ī dan Peranannya dalam Perbahasan Ḥadīth Mawḍū‘ī”, *Jurnal Usuluddin*, 47(2): 65-92. <https://doi.org/10.22452/usuluddin.vol47no2.3>
- Mohd Nor Adzhar Ibrahim, Mohammad Naqib Hamdan, Mohd Khairulnazrin Mohd Nasir & Muhammad Sobri Faisal (2023), “Analisis Kritikan ‘Azwu Karya al-Munabbihat kepada Ibn Hajar al-‘Asqalani””, *Islamiyyat: International Journal of Islamic Studies*, 45(Isu Khas). <https://doi.org/10.17576/islamiyyat-2023-45IK-03>
- Mohd Solleh Ab Razak & Roshimah Shamsudin (2021), “Tertib al-Jam‘ dan al-Naskh Dalam Mukhtalif al-Ḥadīth Menurut Sharaf al-Qudāh : Satu Analisis”, *Jurnal Usuluddin* 49 (1): 87-128. <https://doi.org/10.22452/usuluddin.vol49no1.4>
- _____ (2023), “Tertib Manhaj Penyelesaian Mukhtalif al-Ḥadīth Menurut al-Marbawi dalam Baḥr al-Mādhī,” *Jurnal Islamiyyat: International Journal of Islamic Studies*, UKM, 45(1): 275-292. <https://doi.org/10.17576/islamiyyat-2023-4501-23>
- Mohd Solleh Ab Razak (2021). *Sehingga Ilmu Terpahat di Hati (Terj. & Ulasan Tadhkirah al-Sāmi‘ wa al-Mutakallim li Ibn Jamā‘ah)*, Kuala Lumpur: Mata Buku Resources.
- _____ (2022), *“Manhaj Mukhtalif al-Ḥadīth Oleh al-Marbawi Dalam Baḥr al-Mādhī Li Sharḥ al-Mukhtaṣar Ṣaḥīḥ al-Tirmidhī”*, tesis kedoktoran, Universiti Sains Malaysia (USM).
- Muḥammad Baltajāī (1397H), *Manāhij al-Tashrī‘ al-Islāmī*, Saudi: Jāmi‘ah al-Imām.
- Munīrah binti ‘Abd Allāh bin Ṣāliḥ al-‘Iskīr (1436H), *“Mukhtalif al-Ḥadīth Inda al-Qāḍī Ibn al-‘Arabī fī Kitābihi al-Masālik fī Sharḥ Muwaṭṭa’ Mālik: Jam‘an wa Dirāsah”*, tesis kedoktoran, Saudi: Jāmi‘ah al-Mālik Sa‘ūd.
- Murtajāī, ‘Abd Allāh Muṣṭafā Sa‘īd (2000), *“Manhaj al-Imām al-Bukhārī fī Mukhtalif al-Ḥadīth fī Ṣaḥīḥihi wa al-Muwāzanah Baynahu wa Bayna Manhaj al-Imām al-Tirmidhī fī Mukhtalif al-Ḥadīth fī Jāmi‘ihi”*, tesis kedoktoran, Jāmi‘ah al-Qur‘ān al-Karīm wa al-‘Ulūm li al-Islāmiyyah, Sudan.
- Nāfidh Ḥusayn Ḥammād (2009), *Mukhtalif al-Ḥadīth Bayn al-Fuqahā’ wa al-Muḥaddithīn*. Beirut: Dār al-Nawādir.

- Şāliḥ bin Ḥamd bin Muḥammad al-Ḥawwās (1418H), “*Wujūh al-Tarjīḥ al-Ḥadīthiyyah fī Sharḥ Mushkil al-Āthār li al-Imām al-Ṭaḥāwī*”, tesis sarjana, Jami‘ah al-Malik Sa‘ud, Sa‘udi.
- Samīrah Ibrāhīm Ḥamdān Ikhzīq (2013), “*Manhaj al-‘Aynī fī Mukhtalif al-Ḥadīth: Dirāsah Taṭbīqiyyah ‘Alā Kitābihi ‘Umdah al-Qārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*”, tesis sarjana, Palestin: al-Jāmi‘ah al-Islāmiyyah Ghazzah.
- Şiddīq Khān, Abū al-Ṭayyib Muḥammad (1985), *Al-Ḥiṭṭah fī Dhikr al-Şiḥāḥ al-Sittah*, Beirut: Dār al-Kutub al-Ta‘līmiyyah.
- Usāmah ‘Abdullāh Khayyāṭ (1982), “*Mukhtalif al-Ḥadīth wa Mawqif al-Nuqqād wa al-Muḥaddithīn minhu*”, tesis sarjana, Jami‘ah Umm al-Qura, Mekah.
- _____ (2001), *Mukhtalif al-Ḥadīth Bayn al-Muḥaddithīn wa al-Uşūliyyīn al-Fuqahā*, Beirut: Dār Ibn Ḥazm.
- Wadī ‘Abd al-Mu‘ṭī Sa‘ūd Ibdāḥ (1994) “*Mukhtalif al-Ḥadīth ‘Inda al-Imām al-Ṭaḥāwī fī Ḍaw’ Kitābihi Sharḥ Ma‘ānī al-Āthār*”, tesis sarjana, al-Jāmi‘ah al-Urduniyyah.
- Yuri Indri Yani, Yuliharti, Kholil Syu’aib, Mardinal Tarigan, Pains (2021), *Mengungkap Isyarat-Isyarat Sains Dalam Hadis Nabi*, AL QUDS : Jurnal Studi Alquran Dan Hadis, 5(1), 359-376. <https://doi.org/10.29240/alquds.v5i1.2512>